

20/10/2001

RM974j bagi teknologi maklumat

KERAJAAN memperuntukkan RM974 juta dalam Belanjawan 2002 untuk melaksanakan pelbagai projek untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan, bermaklumat dan berbudaya teknologi maklumat serta komunikasi (ICT).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata antara projek yang akan dijayakan dengan peruntukan itu termasuk bagi pembangunan Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC), program pengkomputeran kementerian, jabatan kerajaan dan sekolah di seluruh negara.

Katanya, Projek Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik mendapat peruntukan sebanyak RM112.7 juta, sekolah bestari (RM72.3 juta), teleperubatan (RM86.3 juta) dan kad pintar (RM9.5 juta).

Selain itu katanya, peruntukan RM487.67 juta turut disediakan bagi meningkatkan program pengkomputeran kementerian dan jabatan kerajaan serta RM205.5 juta bagi tujuan melaksanakan projek pengkomputeran sekolah.

(END)